

## SAHAM SEBANTAU

BANGKOK	853.28	▲ 0.10
HANGSENG	21,091.18	▲ 117.79
JAKARTA	1,057.48	▲ 15.80
NIKKEI	9,753.27	▲ 15.80
STI	2,395.18	▲ 256.42

## KONTRAK HADAPAN KLJCI

JULAI 2010	1,356.0	▲ 0.5
OGOS 2010	1,366.5	▲ -
SEPTEMBER 2010	1,357.0	▲ 0.5
OKTOBER 2010	1,354.5	▲ -0.5
NOVEMBER 2010	1,357.0	▲ -1.5
DESEMBER 2010	1,357.0	▲ -1.5

**Disenarai papan utama**

Ivory Properties Group Bhd yang berpangkalan di Pulau Pinang, mula disenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia semalam dengan premium 15 sen daripada harga tawaran RM1.

Pada paras pembukaan, kaunter dibuka pada RM1.15 dengan 26,897 lot bertukar tangan.

Pengarah urusan kumpulan, Datuk Low Eng Hock yang gembira dengan prestasi harga pembukaan saham berkata, dalam bergerak ke hadapan, syarikat telah bersedia untuk berhadapan dengan penerokaan pembangunan hartanah yang lebih mencabar.

Syarikat itu menjangka mengumpulkan RM44.9 juta daripada tawaran awal permulaannya (IPO) dan perolehan itu akan digunakan untuk membayar semula pinjaman dan modal kerja.